



## Persepsi Pengunjung Terhadap Taman Rekreasi di Bintulu, Sarawak: Satu Kajian Awal

### Visitors' Perceptions Towards Recreational Parks in Bintulu, Sarawak: A Preliminary Study

Nur Haiza Hamdan\*, Karmilah Abdullah\*\*

\*Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia  
Kampus Bintulu, Jalan Nyabau, 97008, Bintulu, Sarawak  
E-mail: [21mt14001@student.kuis.edu.my](mailto:21mt14001@student.kuis.edu.my)

\*\*Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia  
Kampus Bintulu, Jalan Nyabau, 97008, Bintulu, Sarawak  
E-mail: [karmilah.abdullah@upm.edu.my](mailto:karmilah.abdullah@upm.edu.my)

#### Article Info

##### Article history:

Received: 12<sup>th</sup> December 2022  
Accepted: 28<sup>th</sup> December 2022  
Published: 31<sup>st</sup> December 2022

##### DOI:

<https://doi.org/10.33102/jicicom.vol2no2.71>

#### ABSTRAK

Taman rekreasi merupakan salah satu kemudahan fasiliti yang perlu disediakan khususnya kepada masyarakat di sesebuah lokasi. Persekitaran yang menarik, bersih dan selamat dapat mempengaruhi persepsi dan menarik kedatangan pengunjung. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pengunjung terhadap taman rekreasi di Bintulu, Sarawak berdasarkan tiga aspek iaitu kesedaran alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi. Kajian awal ini dijalankan menggunakan kaedah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik secara bersemuka di tiga taman rekreasi utama di Bintulu iaitu Taman Tumbina, Pantai Tanjung Batu dan Taman Negara Similajau. Seramai 30 orang pengunjung telah memberikan maklum balas terhadap kajian awal ini. Data telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian IBM SPSS (*Statistical Package for Social Science*) Statistics. Dapatan kajian awal ini menunjukkan, pengunjung mempunyai persepsi yang baik terhadap taman rekreasi di Bintulu, Sarawak. Tahap pengetahuan para pengunjung dari aspek kesedaran alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi juga menunjukkan pencapaian yang tinggi. Tahap pengetahuan yang tinggi ini mendorong para pengunjung untuk mengamalkan amalan yang positif terhadap alam sekitar di samping sedar akan kepentingan taman rekreasi sebagai tempat untuk membina hubungan sosial antara masyarakat.

**Kata Kunci:** Persepsi, Pengunjung, Taman Rekreasi, Sarawak, Kajian Kuantitatif

## ABSTRACT

Recreational parks are one of the facilities that need to be provided especially to the local community. Attractive, clean, and safe recreational park environment will affect the perception and attract visitors. This study was conducted to identify visitors' perceptions of recreational parks in Bintulu, Sarawak based on three aspects, which are environmental awareness, experience, and destination image. This preliminary study was conducted using a quantitative research method through face-to-face survey method in three main recreational parks in Bintulu, namely Tumbina Park, Tanjung Batu Beach and Similajau National Park. A total of 30 visitors have given feedback on this preliminary study. Data was analyzed descriptively using IBM SPSS (Statistical Package for Social Science) Statistics software. The findings of this preliminary study show that visitors have a good perception of recreational parks in Bintulu, Sarawak. The level of knowledge of the visitors from the aspect of environmental awareness, experience and image of the destination also shows a high achievement. This high level of knowledge encourages visitors to practice positive practices towards the environment while being aware of the importance of recreational parks as a place to build social relationships between communities.

**Keywords:** *Perception, Visitor, Recreational Park, Sarawak, Quantitative Study*

## PENGENALAN

Taman rekreasi adalah merupakan tempat yang sangat penting di dalam sesebuah daerah, negeri, mahupun negara. Ini kerana, taman rekreasi mempunyai peranan penting yang berfungsi sebagai suatu tempat untuk pendidikan, penyelidikan serta tempat untuk melakukan aktiviti rekreasi bersama keluarga (Shariff et al., 2020). Di Malaysia umumnya, terdapat pelbagai jenis taman rekreasi yang mampu menarik kunjungan pengunjung dari dalam mahupun luar negara. Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang beriklim khatulistiwa yang mempunyai keunikan tersendiri dari segi alam semula jadi. Kebanyakan pengunjung dan pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan kerana keunikannya. Dasar Pelancongan Negara menyenaraikan enam teras utama bagi meningkatkan industri pelancongan negara iaitu transformasi tadbir urus, mewujudkan zon pelaburan bagi projek pelancongan yang inklusif, mempergiatkan digitalisasi pelancongan, memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari, meningkatkan kapasiti modal insan dalam semua sub-sektor pelancongan dan memperkayakan pengalaman dan kepuasan pengunjung. Kajian ini bertepatan dengan teras keenam dasar tersebut iaitu memperkaya pengalaman dan kepuasan pengunjung dari aspek penilaian taman rekreasi sebagai destinasi kunjungan sama ada penduduk tempatan dan pelancong. Menurut laman rasmi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali sebagai "Tourism Malaysia" statistik jumlah pelancong yang berkunjung ke Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 26, 100, 784 juta, pada tahun 2020 pula adalah seramai 4,

332, 732 juta dan pada tahun 2021 adalah seramai 134, 728 ribu pelancong. Penurunan statistik jumlah kunjungan pelancong ini berlaku disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia termasuk Malaysia pada tahun 2019. Akan tetapi, Malaysia menerima kira-kira satu juta pelancong dari luar sejak sempadan Malaysia dibuka pada 1 April 2022 (Zain, 2022). Taman rekreasi sememangnya mempunyai fungsi dan kepentingan yang tersendiri dalam memenuhi keperluan pelancong, pengunjung dan masyarakat baik dari segi aspek psikologi, sosial, ekonomi dan lain-lain.

Menurut Hibrahim (2021), kebanyakan pekerja di Malaysia semakin tertekan akibat bebanan kerja yang melampau kerana terpaksa bekerja lebih masa demi memenuhi kos sara hidup yang semakin meningkat. Antara inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan bagi membantu mengurangkan tekanan masyarakat adalah mewujudkan taman rekreasi. Dengan melakukan aktiviti rekreasi boleh membantu dari aspek fizikal, sosial, ekonomi serta psikologi kehidupan masyarakat moden pada hari ini (Samsudin et al., 2021). Aktiviti rekreasi yang aktif akan memberikan impak yang positif terhadap kesejahteraan fizikal, gaya hidup sihat serta membantu mencorak masyarakat yang lebih progressif, berinovatif dan rasional (Samsudin et al., 2021). Ini jelas memberi gambaran bahawa, kewujudan taman rekreasi boleh membantu masyarakat dalam menjaga kesihatan luaran dan dalaman, kerana ianya mempunyai nilai yang penting dalam kehidupan seseorang setelah lelah bekerja. Kehidupan itu akan menjadi lebih bermakna jika seseorang itu berada dalam keadaan yang sihat sejahtera.

Di samping itu, di negeri Sarawak juga terdapat pelbagai jenis taman rekreasi yang mampu menarik kunjungan pengunjung dari luar mahupun dalam negara seperti Astana Kuching, Bario, Kayaking, Borneo Happy Farm, Fort Alice Sri Aman, Sarawak Culture Village dan pelbagai lagi. Menurut Utusan Borneo (2022) jumlah pelancong yang berkunjung ke Sarawak pada awal bulan Januari sehingga April 2022 mencatatkan jumlah pelancong adalah seramai 310, 064 ribu. Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato' Sri Abdul Karim Rahman Hamzah menyatakan bahawa sasaran negeri Sarawak untuk mencapai seramai 1.2 juta pelancong yang berkunjung ke negeri Sarawak pada tahun ini berkemungkinan besar dapat dicapai (Utusan Borneo, 2022). Ini kerana, negeri Sarawak mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri sebagai daya tarikan untuk menarik kunjungan pelancong dari luar mahupun dalam negara.

Bintulu, Sarawak merupakan sebuah bandar perindustrian yang sedang pesat membangun. Kebanyakan masyarakat atau pengunjung yang datang ke Bintulu adalah untuk bekerja kerana peluang pekerjaan yang agak tinggi di bandar tersebut. Oleh sebab itu, taman rekreasi di kawasan bandar terutamanya di Bintulu Sarawak sangat penting kerana membantu dalam mengimbangi pembangunan dan alam semulajadi serta membantu mengimbangi kehidupan masyarakat atau pengunjung di Bintulu. Sebagai contoh, Pantai Tanjung Batu Bintulu, Taman Tumbina Bintulu, Taman Negara Similajau, Bintulu Promenade Waterfront dan kawasan sekitarnya yang mempunyai kemudahan untuk beriadah dan berekreasi. Melihat kepada kepentingan taman

rekreasi di daerah Bintulu, persepsi pengunjung yang berkunjung ke taman rekreasi juga sangat penting. Tugiman (2016) menyatakan bahawa persepsi adalah berkaitan dengan penglihatan seseorang individu dalam melihat sesuatu perkara. Ianya adalah merupakan tindak balas luaran yang sama seperti individu lain akan tetapi adanya perbezaan dalam mentafsir sesuatu perkara kerana latar belakang dan personaliti setiap seseorang individu itu berbeza (Tugiman, 2016). Oleh itu, intipati dari ulasan ini, kajian ini memfokuskan kepada persepsi pengunjung di taman rekreasi Bintulu, Sarawak.

## KAJIAN LITERATUR

### Jenis-jenis dan peranan taman rekreasi

Menurut Abbas (2001) jenis-jenis taman rekreasi terbahagi kepada enam jenis iaitu taman bandar, taman kecil, taman permainan blok, taman kecil bandar, taman pejalan kaki dan taman tema. Berikut adalah merupakan jadual jenis-jenis taman rekreasi menurut Abbas (2001).

*Jadual 1: Jenis – jenis Taman Rekreasi (Abbas, 2001)*

<b>Jenis – jenis Taman Rekreasi</b>	<b>Keterangan</b>
<b>Taman Bandar</b>	Taman bandar ini berkonsepkan kepada <i>Open Space</i> . Taman bandar ini merujuk kepada taman yang berada di tempat yang dipenuhi pembangunan yang pesat, sesak, sibuk dan sebagainya. Taman bandar ini juga biasanya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan aktiviti rekreasi semula jadi dan juga aktiviti rekreasi buatan manusia. Ianya juga sering dikunjungi oleh masyarakat dan pelancong kerana lokasinya yang strategik.
<b>Taman Kecil</b>	Taman kecil atau <i>Vest Pocket Park</i> ini merujuk kepada kawasan yang terhad iaitu 1/10 daripada ekar. Taman kecil ini kebiasaannya dibangunkan daripada tanah-tanah kosong yang terbiar, tempat pembuangan sampah dan tempat yang telah dikhaskan untuk pembangunan masa hadapan di mana ianya berkonsepkan kesederhanaan. Ianya juga agak mudah untuk dijaga kerana kos yang lebih rendah berbanding taman bandar.
<b>Taman Permainan Blok</b>	Taman permainan blok ini merujuk kepada taman yang diwujudkan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang

	berumur sekitar 10-15 tahun. Taman permainan kanak-kanak ini merupakan daya tarik yang kuat kepada semua kanak-kanak tanpa mengira umur, warna kulit dan keturunan dalam mencapai kehidupan yang lebih harmoni.
<b>Taman Kecil Bandar</b>	Taman kecil bandar atau <i>Midtown Park</i> ini merujuk kepada taman yang diwujudkan berkonsepkan taman bandar akan tetapi dengan keluasan yang lebih kecil iaitu sekitar 50-100 kaki bagi memenuhi keperluan penduduk khususnya golongan pekerja, pekedai, pelanggan dan para pelancong.
<b>Taman Pejalan Kaki</b>	Taman pejalan kaki ini merujuk kepada kawasan atau tempat yang dikhususkan untuk pejalan kaki menikmati pemandangan sambil berjalan kaki. Walaupun secara kasarnya kelihatan bukan seperti taman, akan tetapi disebabkan ianya dilengkapi dengan gabungan dan ciri-ciri rekreasi seperti terdapat keutamaan kepada pejalan kaki dengan adanya gabungan tanaman, tempat berehat, tempat minum, maka ia boleh diklafikasikan sebahagian daripada taman rekreasi bandar.
<b>Taman Tema</b>	Taman tema ini merujuk kepada taman yang berkonsepkan hiburan dengan menggabungkan permainan dan alat hiburan sekeluarga. Kebanyakan taman tema ini dibangunkan di pusat-pusat bandar yang terkemuka. Ianya juga berkonsepkan hiburan dan informasi maklumat.

Peranan taman rekreasi terbahagi kepada empat iaitu dari aspek psikologi, sosial, ekonomi dan biologi dan ekologi persekitaran (Abbas, 2001). Peranan dari aspek psikologi. Dari aspek psikologi, taman rekreasi boleh dilihat mempunyai peranan dalam menjadi tempat yang boleh membantu seseorang individu untuk memulihkan tenaga dan mengembalikan kesegaran setelah penat melakukan tugas harian. Taman rekreasi yang mempunyai keindahan alam semulajadi boleh membantu seseorang individu merasai kesegaran dan ketenangan yang menyegarkan.

Dari aspek sosial, taman rekreasi boleh dilihat sebagai tempat yang boleh menyatukan dan mengeratkan ikatan silaturahim sesama masyarakat. Ini kerana, proses pempandaran yang pesat telah membawa kepada perubahan dari segi hubungan sosial masyarakat di bandar. Perubahan-perubahan berlaku disebabkan oleh kekangan yang dihadapi oleh masyarakat bandar seperti kekangan masa, keadaan bandar yang sesak dan sebagainya lalu menyebabkan hubungan sosial tersebut menjadi renggang.

Dari aspek ekonomi, taman rekreasi boleh dilihat sebagai tempat yang bukan sahaja untuk masyarakat setempat beriadah dan berekreasi, akan tetapi ianya juga merupakan tempat yang mempunyai nilai dan potensi ekonomi. Kewujudan taman rekreasi di tengah-tengah bandar mampu menarik minat dan kunjungan pelancong untuk berkunjung sehingga mampu menyumbang kepada ekonomi negara. Ini bermakna, taman rekreasi ini mempunyai peranan yang penting dalam menjadi satu tarikan pelancongan sesebuah negara tersebut. Oleh sebab itu, kewujudan dan pembangunan taman rekreasi ini sangat penting sehingga mampu menjadi penyumbang kepada ekonomi negara.

Di samping itu, peranan dari aspek biologi dan ekologi persekitaran pula, taman rekreasi dilihat mempunyai peranan dalam mengimbangi pembangunan dan alam sekitar sekitar serta habitat semula jadi. Ini kerana, bandar sememangnya dikenali sebagai tempat yang dipenuhi dengan pembangunan-pembangunan konkrit sehingga boleh menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar dan kekurangan sumber hijau. Oleh sebab itu, dengan adanya taman rekreasi di sesebuah bandar sedikit sebanyak boleh membantu mengimbangi persekitaran yang pesat. Masyarakat juga memerlukan suasana yang dipenuhi pokok-pokok alam semula jadi mampu memberikan ketenangan dari suasana bandar yang sesak dan bingit.

### **Persepsi Pengunjung Taman Rekreasi**

Persepsi mempunyai pelbagai definisi yang telah dikaji oleh beberapa pengkaji dan tokoh ilmunan. Antaranya adalah menurut menurut Lt (2020) persepsi adalah penilaian atau anggapan secara individu tentang apa yang dilihat, difikirkan serta dirasakan kemudian akan mempengaruhi perubahan terhadap sifat atau tindakan seseorang individu tersebut. Setiawan et al. (2018) pula berpendapat persepsi adalah suatu proses yang akan wujud setelah berlakunya sensasi. Ia juga adalah proses bagaimana seseorang individu itu memilih, mengatur dan mentafsir input maklumat dalam mencipta gambaran dunia yang mempunyai makna (Fentri, 2017). Ia juga adalah proses memilih, mengatur dan mentafsir motivasi ke dalam representasi yang lebih bermakna (Gnanapala, 2015). Berdasarkan pelbagai pengertian definisi persepsi oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dapat disimpulkan bahawa ransangan deria dan persekitaran adalah merupakan faktor yang penting di dalam proses persepsi seseorang individu.

Menurut Zaid et al. (2021) menyatakan bahawa tempat riadah adalah merupakan tempat terapi yang boleh membantu memberikan ketenangan kepada seseorang individu. Beliau juga menyatakan bahawa tempat rekreasi merupakan tempat yang dikenali sebagai tempat untuk melihat keindahan alam sekitar dan pada masa yang sama menjadi tempat untuk membolehkan pengunjung menikmati kemudahan yang telah disediakan (Zaid et al., 2021). Manakala, menurut Samsudin et al. (2021) menyatakan bahawa taman rekreasi sebagai kawasan yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan kawasan lapang yang berfungsi sebagai memberi manfaat kepada pengguna dan orang awam. Ianya juga menyediakan kemudahan untuk berekreasi

yang berkonsepkan kepada suasana semula jadi, bagi memenuhi ciri-ciri khas dalam memenuhi keperluan fizikal dan psikologikal seseorang individu (Samsudin et al., 2021). Menurut Shariff et al. (2020) taman rekreasi adalah merupakan tempat untuk pendidikan, penyelidikan serta kesedaran kepada umum. Ianya juga adalah merupakan tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat beriadah dan berekreasi untuk mengisi masa lapang bersama keluarga (Shariff et al., 2020). Manakala, Musa et al. (2018) pula mendefinisikan taman rekreasi sebagai suatu tempat untuk melakukan aktiviti rekreasi dalam keadaan yang gembira dan selesa bagi memenuhi keperluan untuk merehatkan dan memulihkan ketegangan psikologi dan jasmani terutamanya kepada penduduk bandar. Ianya juga merupakan tempat yang jauh dari kesibukan bandar (Musa et al., 2018).

Berdasarkan daripada pengertian definisi taman rekreasi di atas, ini membuktikan bahawa kepentingan taman rekreasi adalah merupakan keperluan bagi masyarakat agar dapat mengimbangi keperluan hidup dari pelbagai aspek seperti psikologi, sosial, ekonomi dan persekitaran. Oleh sebab itu, disebabkan peranan dan fungsi taman rekreasi di sesebuah tempat sememangnya membuktikan bahawa kewujudan taman rekreasi itu penting dan perlu dibangunkan.

### **Kesedaran Alam Sekitar, Pengalaman dan Imej Destinasi**

Kesedaran alam sekitar merujuk kepada kesedaran pelancong dan keinginan untuk mengetahui hal yang berkaitan dengan alam sekitar secara positif serta mengambil berat akan permasalahan alam sekitar dan punca permasalahan tersebut berlaku (Ahmad et al., 2021). Ianya juga adalah merupakan kepentingan individu dan dikenali sebagai langkah pertama dalam kesediaan orang ramai dalam menangani isu berkaitan dengan alam sekitar beserta dengan pemahaman dan tingkah laku mereka (Ahmad et al., 2021). Kesedaran alam sekitar perlu dipupuk dalam diri setiap individu agar melahirkan generasi yang bukan sahaja faham, berkebolehan, berkemampuan bahkan mempunyai keprihatinan terhadap pengurusan dan pencemaran alam sekitar (Samsudin et al., 2015).

Kajian Ahmad et al. (2021) mendapati apabila pengunjung tersebut mempunyai kesedaran alam sekitar akan mempengaruhi tingkah laku mereka menjadi pengunjung yang memiliki tingkah laku pro-alam, di mana ianya adalah tingkah laku yang menjadikan pengunjung tersebut mengawal tingkah laku mereka terhadap alam sekitar. Pengunjung yang berada di dalam golongan tingkah laku pro-alam ini memiliki kemampuan dalam memberikan tunjuk ajar dan membimbing pihak yang lain tentang alam sekitar seperti pihak sekolah, pengurus, penggubal dasar dan lain-lain. Kajian Morrow (2021) pula menekankan pelancongan yang berkonsepkan keindahan alam semula jadi, di mana responden menyedari bahawa kesedaran alam sekitar itu sangat penting, iaitu dengan mengamalkan pemuliharaan seperti kitar semula, penjimatan elektrik, penjimatan air, menggunakan sabun dan detergen yang mesra alam, dan menggunakan basikal awam atau pengangkutan awam.

Pengalaman adalah merupakan kayu ukur kepada kunci keberhasilan dan kejayaan industri taman rekreasi tersebut (Utami, 2019). Purnadewi (2019) menyatakan bahawa pengalaman adalah merupakan proses yang melibatkan kognitif, emosi dan perilaku pengunjung lalu memberikan kenangan terhadap pengunjung tentang pengalaman semasa dan selepas berkunjung ke destinasi tersebut. Pengalaman pengunjung adalah merupakan suatu kepentingan bagi sesebuah organisasi atau perusahaan kerana ianya merupakan salah satu faktor dalam menarik dan mewujudkan kesetiaan pengunjung untuk terus berkunjung ke destinasi tersebut (Sandy et al., 2017).

Kajian Aziz et al. (2020) mendapati pengalaman pengunjung mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesetiaan pengunjung. Ini bermakna, pengalaman pengunjung mempengaruhi tingkah laku pengunjung terhadap destinasi tersebut. Semakin baik dan tinggi pengalaman pengunjung, maka semakin tinggi kesetiaan pengunjung terhadap sesebuah destinasi tersebut. Purnadewi (2018) menitikberatkan pengaruh kualiti pengalaman terhadap niat ingin berkunjung kembali yang didasari atas kepuasan pengunjung. Ini bermakna, kajian ini ingin melihat apakah kualiti pengalaman pengunjung mempengaruhi niat pengunjung untuk berkunjung kembali ataupun tidak ke destinasi tersebut. Dan ini memberikan makna bahawa pengalaman mempengaruhi nilai makna dalam diri pengunjung. Semakin baik dan positif pengalaman pengunjung terhadap taman rekreasi atau destinasi tersebut, maka akan memberikan impak yang besar kepada pengunjung dan taman rekreasi tersebut.

Imej destinasi adalah merupakan imej terhadap sesuatu tempat dalam menarik lebih ramai lagi kunjungan pengunjung untuk berkunjung ke taman rekreasi tersebut (Shariff et al., 2020). Manakala, menurut Ruiz (2018) menyatakan bahawa imej destinasi ditakrifkan sebagai suatu luahan ekspresi tentang pengalaman, tanggapan, prasangka, imaginasi dan emosi seseorang individu tersebut terhadap tempat tertentu. Penciptaan imej destinasi yang jelas akan memberikan kelebihan kepada destinasi tersebut untuk mempunyai potensi yang tinggi dalam meletakkan nilai imej destinasi mereka (Zainal, 2017). Imej destinasi adalah merupakan elemen yang penting dalam menentukan kedudukan destinasi tersebut (Jia, 2017). Ini kerana, ia melibatkan proses pemilihan dalam bidang pelancongan yang dikaji secara meluas sejak beberapa dekad yang lalu (Jia, 2017). Menurut Rashid (2015) pula menyatakan bahawa imej destinasi sangat berkait rapat dengan sumber tarikan yang terdapat di kawasan tersebut. Pembentukan imej destinasi sangat penting bagi pembangunan sektor pelancongan, khususnya dari aspek pemasaran destinasi pelancongan (Rashid, 2015). Berdasarkan kajian-kajian lepas dapat disimpulkan bahawa imej destinasi merupakan salah satu faktor yang penting dalam menarik kunjungan pengunjung. Ini kerana, ianya mempunyai perkaitan terhadap apa yang dirasakan, dialami dan dilalui oleh pengunjung. Imej destinasi juga mempengaruhi kekerapan pengunjung berkunjung ke taman rekreasi atau destinasi tersebut.



## METODOLOGI

Kajian rintis ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Sampel kajian rintis ini terdiri daripada 30 orang pengunjung yang berkunjung ke tiga lokasi taman rekreasi di Bintulu iaitu Taman Tumbina Bintulu, Pantai Temasya Tanjung Batu dan Taman Negara Similajau. Pemilihan responden menggunakan teknik persampelan mudah kerana sampel populasinya yang mudah untuk diakses dan ianya adalah berdasarkan kesukarelaan dan kesediaan responden. Kajian rintis ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Borang soal selidik disediakan dengan menggunakan soalan tertutup dan terbuka serta menggunakan pengukuran skala likert iaitu dari skala 1 sehingga 5. Skala 1 merujuk kepada respon sangat kurang setuju, skala 2 kurang setuju, skala 3 neutral, skala 4 setuju dan skala 5 sangat setuju. Borang soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu profil demografi pengunjung, persepsi pengunjung, pengetahuan pengunjung dan cadangan penambahbaikan. Data-data yang diperolehi ini telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif frekuensi seperti kekerapan, peratusan, dan min.

### Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini dilakukan di taman rekreasi di Bintulu Sarawak kerana ia seiring dengan ucapan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Landskap Negara (JLN), menyatakan bahawa Bintulu, Sarawak terpilih sebagai tempat untuk dimajukan menjadi taman bandar yang bertemakan kehijauan agar dapat menarik minat pelancong dan bagi memenuhi keperluan penduduk setempat (Lamat, 2016). Oleh sebab itu, kajian ini memilih Bintulu Sarawak sebagai lokasi kajian. Menurut Shariff et al. (2020) pemilihan taman rekreasi dilakukan adalah berdasarkan kepada keperluan kajian. Oleh sebab itu, kriteria pemilihan taman rekreasi kajian ini terbahagi kepada dua iaitu bilangan kunjungan pengunjung serta keunikan dan keistimewaan alam semula jadi sesebuah taman rekreasi tersebut. Menurut laman web rasmi Lembaga Kemajuan Bintulu, tiga tempat teratas yang disenaraikan menarik di Bintulu untuk lokasi kunjungan pengunjung adalah Taman Tumbina Bintulu, Pantai Tanjung Batu Bintulu dan Taman Negara Similajau. Berdasarkan laman web Melancong.My (2022) tiga tempat tersebut iaitu Taman Tumbina Bintulu, Pantai Tanjung Batu Bintulu dan Taman Negara Similajau merupakan tiga lokasi yang teratas sebagai tempat yang menarik di Bintulu. Utusan Sarawak (2020) juga menyenaraikan tiga tempat tersebut sebagai lokasi yang teratas dan menarik sebagai destinasi kunjungan pengunjung. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan di tiga tempat taman rekreasi tersebut iaitu di Taman Tumbina Bintulu, Pantai Tanjung Batu Bintulu dan Taman Negara Similajau.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Demografi Responden


Berdasarkan dapatan kajian awal, majoriti responden yang terlibat adalah perempuan iaitu sebanyak 87.1 peratus manakala selebihnya adalah lelaki, 12.9 peratus. Tiga perempat daripada responden yang terlibat dalam jadual 1 berumur antara 21 hingga 25 tahun (74.2%), diikuti dengan lingkungan umur 26 hingga 30 tahun (9.7%) dan 31 hingga 35 tahun (9.7%). Hanya 6.4 peratus responden adalah dari kalangan umur 20 tahun ke bawah. Berdasarkan peratusan ini, pengunjung utama taman rekreasi di Bintulu terdiri daripada golongan belia iaitu 19 hingga 29 tahun dan sebanyak 83.9 peratus daripada responden adalah belum berkahwin. Responden yang terlibat dalam kajian awal ini paling ramai adalah daripada etnik Iban (29%) diikuti dengan etnik Kedayan (22.6%) dan etnik Melanau (19.4%). Peratusan etnik lain yang terlibat adalah seperti dalam jadual 1. Dapatan lokasi kediaman menunjukkan, pengunjung yang mengunjungi taman rekreasi Bintulu terdiri daripada masyarakat setempat iaitu seramai 87 peratus manakala hanya 13 peratus daripada pengunjung berasal dari luar Bintulu.

*Jadual 1: Demografi Responden*

Demografi Responden	Kategori	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Perempuan	87.1
	Lelaki	12.9
<b>Umur</b>	<20 tahun	6.4
	21 – 25 tahun	74.2
	26 – 30 tahun	9.7
	31 – 35 tahun	9.7
	36 – 40 tahun	-
<b>Status perkahwinan</b>	Bujang	83.9
	Berkahwin	16.1
<b>Etnik</b>	Iban	29
	Melayu	16.1
	Bidayuh	3.2
	Melanau	19.4
	Kedayan	22.6
	Lain-lain	9.7
<b>Lokasi kediaman</b>	Bintulu	87.1
	Sibu	3.2
	Miri	6.5
	Semenanjung	3.2

### Faktor Tarikan Taman Rekreasi di Bintulu, Sarawak

Berdasarkan tinjauan pengalaman pengunjung ke taman-taman rekreasi di sekitar Bintulu, responden yang terlibat memilih satu lokasi yang paling digemari sebelum memberikan respon tentang faktor yang menjadi tarikan ke lokasi tersebut. Dapatan awal menunjukkan, seramai 71 peratus responden memilih Pantai Tanjung Batu sebagai pilihan pertama untuk dikunjungi diikuti dengan Taman Tumbina (22.6%) dan Taman Negara Similajau (6.5%). Di samping itu, majoriti responden (96%) bersetuju untuk berkunjung semula ke taman rekreasi tersebut pada masa akan datang. Antara faktor tarikan taman rekreasi yang menjadi pilihan responden adalah seperti dalam rajah 1. Rajah 1 menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa tiada bayaran yang dikenakan memasuki taman rekreasi tersebut menjadi penarik utama seperti dalam rajah 5. Sebanyak 45.2 peratus responden berpendapat aktiviti atau kemudahan yang terdapat di taman rekreasi menjadi faktor kedua menjadi tarikan mereka untuk berkunjung. Faktor ketiga yang menjadi tarikan adalah lokasi yang strategik yang mencatatkan sebanyak 41.9 peratus.



Rajah 1: Faktor tarikan taman rekreasi di Bintulu

### Persepsi pengunjung terhadap taman rekreasi di Bintulu Sarawak

Dapatan awal kajian mendapati majoriti responden mempunyai persepsi yang baik terhadap taman rekreasi di Bintulu dengan purata nilai min 3.965 (SD= 0.886, Mod= 4). Jadual 2 menunjukkan responden bersetuju bahawa taman rekreasi yang menjadi pilihan sesuai untuk dijadikan destinasi pelancongan (M=4.484) kerana mempunyai kemudahan persekitaran yang menarik (M=4.258), lokasi yang strategik (M=4.226), dan tempat letak kenderaan yang baik (M=4.032). Walau bagaimanapun, dapatan awal kajian juga menunjukkan majoriti responden dengan nilai min 4.645 (SD=0.608) bersetuju bahawa taman rekreasi pilihan mereka memerlukan penambahbaikan untuk menarik lebih ramai pengunjung. Nilai purata min untuk pernyataan kebersihan taman rekreasi yang baik mencatat sebanyak 3.774, penyediaan kemudahan laluan

kerusi roda untuk warga emas dan OKU (M= 3.419), kemudahan tandas yang baik (M=3.839) dan kemudahan keselamatan yang baik (3.709). Keempat-empat pernyataan ini mencatat nilai min di bawah 4.00 menunjukkan penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi keselesaan pengunjung. Selain itu, majoriti responden berpuas hati dengan penyebaran maklumat tentang taman rekreasi di mana majoriti responden bersetuju bahawa info dan maklumat banyak disebarkan melalui keluarga dan rakan (M=4.00) manakala melalui media (M=3.968) dan risalah (3.387). Jadual 2 menunjukkan keterangan lanjut tentang persepsi responden terhadap taman rekreasi di Bintulu.

*Jadual 2: Persepsi responden terhadap taman rekreasi di Bintulu*

No.	Persepsi Pengunjung	M*	SD
1	Persekitaran taman rekreasi ini sangat menarik.	4.258	0.682
2	Lokasi taman rekreasi tersebut sangat strategik	4.226	0.805
3	Taman rekreasi tersebut sesuai untuk dijadikan destinasi pelancongan	4.484	0.769
4	Taman rekreasi tersebut memerlukan penambahbaikan untuk menarik lebih ramai lagi pengunjung	4.645	0.608
5	Kebersihan taman rekreasi tersebut sangat baik.	3.774	1.055
6	Kemudahan keselamatan yang disediakan di taman rekreasi tersebut sangat baik	3.709	0.864
7	Penyediaan kemudahan tandas di taman rekreasi tersebut sangat baik	3.839	0.860
8	Penyediaan kemudahan tempat letak kenderaan di taman rekreasi tersebut sangat baik	4.032	0.912
9	Penyediaan kemudahan laluan kerusi roda untuk warga emas dan OKU di taman rekreasi tersebut sangat baik.	3.419	1.089
10	Papan tanda di taman rekreasi tersebut mengandungi maklumat yang lengkap	3.806	1.046
11	Info dan maklumat yang disebarkan mengenai taman rekreasi tersebut melalui media sangat baik.	3.968	0.912
12	Info dan maklumat yang disebarkan mengenai taman rekreasi tersebut melalui risalah sangat baik	3.387	0.989
13	Info dan maklumat yang disebarkan mengenai taman rekreasi tersebut melalui keluarga dan rakan sangat baik.	4	0.931
<b>Ringkasan persepsi pengunjung</b>		<b>3.965</b>	<b>0.886</b>

M\* = Min, SD = Sisihan piawai

### **Pengetahuan pengunjung dari aspek kesedaran alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi**

Dapatan kajian awal menunjukkan tahap pengetahuan responden dari aspek kesedaran alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi adalah tinggi dengan mas-

ing-masing mencatatkan nilai purata min 4.268 (SD=0.841, Mod= 5), min aspek pengalaman 4.080 (SD=0.822, Mod=4) dan min imej destinasi 4.112 (SD=0.806, Mod=4). Jadual 3 menunjukkan majoriti responden sedar bahawa keseimbangan alam semula jadi semakin terjejas (M=4.290), kesan yang buruk akan terjadi sekiranya manusia tidak menjaga keseimbangan alam sekitar (M=4.613) dan akan menyebabkan bencana alam sebagai contoh banjir (M=4.516). Dapatan tahap pengetahuan dari aspek pengalaman mendapati responden bersetuju bahawa taman rekreasi dapat meningkatkan hubungan sosial pengunjung (M=4.581), taman rekreasi sesuai untuk dijadikan sebagai tempat rekreasi dan riadah (M=4.387). Kajian ini menyokong dapatan McLean (2012) yang menyatakan aktiviti rekreasi membantu individu melepaskan tekanan dan melupakan masalah daripada rutin harian. Aktiviti rekreasi yang dilakukan bersama keluarga atau rakan dapat meningkatkan hubungan sosial dan meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi.

Manakala dari aspek imej destinasi pula, dengan purata nilai min 4.548 responden bersetuju bahawa taman rekreasi pilihan mereka mempunyai pemandangan semula jadi yang mempersona. Kajian Nur Fateha (2015) mendapati pemandangan landskap yang dihiasi dengan pokok-pokok di sekitar taman rekreasi dapat memberi suasana yang aman dan damai. Pemandangan yang menarik dan tenang juga menjadi salah satu faktor penarik pengunjung ke taman rekreasi di Bintulu. Walau bagaimanapun, kebersihan di taman rekreasi tersebut masih boleh dipertingkatkan memandangkan hanya purata 3.709 responden bersetuju taman rekreasi tersebut bersih dan selesa. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Rosniza dan Nur Efazainiza (2019) yang turut menekankan kebersihan lokasi dan penyelenggaraan fasiliti seperti tandas awam dan surau secara konsisten adalah penting dan perlu dipertingkatkan di taman rekreasi.

*Jadual 3: Pengetahuan pengunjung dari aspek alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi*

No.	Pengetahuan dari aspek alam sekitar	M*	SD
1	Manusia mempunyai hak untuk mengubahsuai persekitaran alam semula jadi sesuai dengan keperluan.	3.709	0.973
2	Apabila manusia tidak menjaga keseimbangan alam dengan baik, ia akan memberikan kesan yang buruk.	4.613	0.715
3	Manusia telah melakukan kerosakan kepada persekitaran.	3.871	0.922
4	Jika kesejahteraan alam sekitar tidak dijaga, kita akan mengalami bencana alam. (contohnya banjir)	4.516	0.811
5	Tumbuhan dan haiwan mempunyai hak yang sama untuk hidup seperti manusia.	4.613	0.803
6	Keseimbangan alam semula jadi semakin terjejas	4.290	0.824
	<b>Pengetahuan aspek alam sekitar</b>	<b>4.268</b>	<b>0.841</b>
No.	Pengetahuan dari aspek pengalaman	M*	SD

1	Dengan adanya taman rekreasi tersebut, ia membantu meningkatkan hubungan sosial pengunjung	4.581	0.620
2	Pengunjung boleh berinteraksi dengan pihak taman rekreasi tersebut sekiranya memerlukan bantuan.	3.870	1.088
3	Kemudahan pengangkutan awam untuk ke taman rekreasi tersebut sangat mudah didapati.	3.677	0.908
4	Taman rekreasi tersebut diselenggara dan diuruskan dengan baik.	3.806	0.833
5	Taman rekreasi tersebut sesuai dijadikan tempat melakukan aktiviti rekreasi dan riadah.	4.387	0.667
6	Taman rekreasi tersebut mempunyai kelainan dan keistimewaan yang tersendiri berbanding taman rekreasi yang lainnya.	4.161	0.820
<b>Pengetahuan aspek pengalaman</b>		<b>4.080</b>	<b>0.822</b>
<b>No.</b>	<b>Pengetahuan dari aspek imej destinasi</b>	<b>M*</b>	<b>SD</b>
1	Taman rekreasi tersebut mempunyai persekitaran yang bersih dan selesa.	3.709	0.938
2	Persekitaran taman rekreasi tersebut selamat untuk pengunjung.	3.968	0.836
3	Taman rekreasi tersebut sangat mudah untuk dikunjungi.	4.193	0.792
4	Papan tanda yang sesuai disediakan untuk kemudahan dan kegunaan pengunjung.	3.935	0.892
5	Taman rekreasi tersebut berdekatan dengan pusat bandar.	4.323	0.702
6	Taman rekreasi tersebut mempunyai pemandangan semula jadi yang mempesona.	4.548	0.675
<b>Pengetahuan dari aspek imej destinasi</b>		<b>4.112</b>	<b>0.806</b>

M\*= Min, SD= Sisihan piawai

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, persepsi pengunjung terhadap taman rekreasi di Bintulu, Sarawak adalah baik dan sesuai dijadikan sebagai destinasi pelancongan dan rekreasi masyarakat. Majoriti pengunjung juga bersetuju untuk berkunjung semula ke taman rekreasi memandangkan tiada caj bayaran yang dikenakan menjadi faktor daya penarik yang utama di Bintulu, Sarawak. Di samping itu, tahap pengetahuan pengunjung terhadap aspek alam sekitar, pengalaman dan imej destinasi dalam kalangan pengunjung juga adalah tinggi. Tahap pengetahuan yang tinggi ini mendorong para pengunjung untuk bersikap lebih proaktif dalam amalan penjagaan alam sekitar. Dari aspek pengalaman, taman rekreasi menjadi sebagai destinasi pengunjung untuk mengimbangi hidup antara bekerja dengan aktiviti sosial di mana taman rekreasi dapat dijadikan sebagai tempat untuk meningkatkan hubungan sosial

antara keluarga dan masyarakat. Dari segi imej destinasi, taman rekreasi di Bintulu yang mempunyai tarikan unik dan menyediakan persekitaran yang selesa, selamat dan bersih untuk dikunjungi turut menjadi faktor pilihan pengunjung untuk berkunjung. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan fasiliti, dan kebersihan masih perlu dipertingkatkan bagi keselesaan bersama di samping dapat menarik lebih ramai pengunjung pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abbas, K. (2001). Persepsi pengunjung terhadap taman rekreasi dalam bandar: Kajian kes taman KLCC, Kuala Lumpur [Ijazah sarjana sains perancangan, Universiti Sains Malaysia]. Malaysian Theses Online Publishing. <http://myto.upm.edu.my/find/Record/my-usm-ep.35528>
- Ahmad, J. (2015). Persepsi pengunjung pada museum sebagai tempat tujuan wisata dan media pendidikan non-formal untuk meningkatkan apresiasi nilai-nilai kejuangan. *Jurnal Riset Manajemen Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Widya Wiwaha Program Magister Manajemen*, 2(1), 62-74. <http://jurnal.stieww.ac.id/index.php/jrm/article/view/102>
- Ahmad, Z., Hassan, N. M., Khattak, M. N., Moustafa, M. A., & Fakhri, M. (2021). Impact of tourist's environmental awareness on pro-environmental behavior with the mediating effect of tourist's environmental concern and moderating effect of tourist's environmental attachment. *Sustainability*, 13(23), 12998. <https://doi.org/10.3390/su132312998>
- Aziz, Z. A. (2020). Pengaruh fasilitas dan pengalaman pengunjung terhadap loyalitas pengunjung yang dimediasi oleh kepuasan pengunjung (Survey pada pengunjung wisata umbul ponggok klaten). *Jurnal Studi Manajemen Organisasi*, 17(2), 8-18. <https://ejournal.undip.ac.id/index.php/smo/article/view/32470>
- Fentri, D. M., & Achnes, S. (2017). Persepsi pengunjung terhadap daya tarik Taman Wisata Alam Hutan Rimbo Tujuh Danau di Desa Wisata Buluh Cina Kecamatan Siak Hulu Kabupaten Kampar Riau [Doctoral dissertation, Riau University]. <https://media.neliti.com/media/publications/184619-ID-persepsi-pengunjung-terhadap-daya-tarik.pdf>
- Ghazali, H. (2022, March 7). 10 aktiviti & tempat menarik di Bintulu Sarawak [Popular]. *Melancong.my*. <https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-bintulu/>
- Gnanapala, W. A. (2015). Tourists perception and satisfaction: Implications for destination management. *American Journal of Marketing Research*, 1(1), 7-19. [https://www.researchgate.net/profile/AthulaGnanapala/publication/311706092\\_Tourists\\_Perception\\_and\\_Satisfaction\\_Implications\\_for\\_Destination\\_Management/links/5855917908ae81995eb41d10/Tourists-Perception-and-Satisfaction-Implications-for-Destination-Management.pdf](https://www.researchgate.net/profile/AthulaGnanapala/publication/311706092_Tourists_Perception_and_Satisfaction_Implications_for_Destination_Management/links/5855917908ae81995eb41d10/Tourists-Perception-and-Satisfaction-Implications-for-Destination-Management.pdf)
- Hibrahim, M. A. (2021, Mei 7). Pekerja Malaysia makin tertekan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/136345/LAPORAN-KHAS/Pekerja-Malaysia-makin-tertekan>
- Lamat, R. (2016, September 21). Bintulu jadi taman bandar menerusi Program Pembangunan Landskap Perbandaran. *Sarawak Voice*. <https://sarawakvoice.com/2016/09/21/bintulu-jadi-taman-bandar-menerusi-program-pembangunan-landskap-perbandaran/>
- Setiawan, G. F., & Guntoro, B. (2018). Persepsi pengunjung terhadap Kebun Binatang Gembira Loka sebagai daya tarik wisata. *Jurnal Kebijakan Pembangunan Pe-*



- ternakan Vol, 1(1), 64-73.  
<http://persepsi.org/web/files/pdf/9.%20Galan%20Feri%20Setiawan.pdf>
- Lt, N. R. U. (2020). Persepsi pengunjung mengenai disfungsi Ruang Terbuka Hijau (RTH) Putri Kaca Mayang Pekanbaru [Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau]. Universitas Islam Riau Publishing.  
<https://repository.uir.ac.id/8285/1/139110107.pdf>
- Morrow, J. S. (2021). Environmental awareness in ecotourism destination management in Mount Aso, Kumamoto, Japan. *International Journal of Research in Tourism and Hospitality*, 7(1). <https://doi.org/10.20431/2455-0043.0701001>
- Musa, S. M. S., Senapi, N., Shafii, H., Yassin, A. M., & Zainal, R. (2018). Kepentingan penyediaan elemen landskap di kawasan rekreasi Tasik Darulaman, Jitra, Kedah. *Geografi*, 6(2), 67-75.  
<http://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/2089/1522>
- Purnadewi, R. P. (2018). Pengaruh kualitas pengalaman terhadap niat berkunjung kembali yang dimediasi oleh kepuasan (Studi pada Kampung Warna Warni Jodipan Kota Malang) [Doctoral dissertation, Universitas Brawijaya]. Universitas Brawijaya Publishing.  
<http://repository.ub.ac.id/id/eprint/163842/1/rindang%20putri%20purnadewi.pdf>
- Rashid, R. A. (2015). Pembentukan imej destinasi pelancongan di Sabah. *Journal of Design+ Built*, 8(1).  
<https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/185/123>
- Rose, R. A. C., & Basri, N. E. A. (2019). Analisis tahap kepuasan pengunjung di taman rekreasi awam Sabah (Analysis of visitor satisfaction levels in Sabah recreational public parks). *Geografia*, 15(4).  
<http://journalarticle.ukm.my/14221/1/36218-114180-1-PB.pdf>
- Ruiz, E. C., González, G. B., & Zamora, D. T. (2018). Destination image, satisfaction and destination loyalty in cruise tourism: the case of Malaga (Spain). *Tourism & Management Studies*, 14(1), 58-68.  
[https://www.tmistudies.net/index.php/ectms/article/viewFile/912/pdf\\_79](https://www.tmistudies.net/index.php/ectms/article/viewFile/912/pdf_79)
- Salleh, N. H. M., Sarmidi, T., Othman, R., Jaafar, A. H., & Ramli, R. M. (2011). Kepuasan dan kesetiaan pelancong domestik terhadap destinasi pelancongan Pulau Kapas. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 1(2011), 10-21.  
<https://core.ac.uk/reader/11492170>
- Samsudin, N. A., & Ikhsan, Z. (2015). Kesedaran alam sekitar melalui aplikasi sendiri alam sekitar (KAKAS). *Jurnal Personalita Pelajar*, 18(2).  
<https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2016/08/Noor-Azizah-Samsudin.pdf>
- Samsudin, M. N. M., Masram, H., & Yassin, A. M. (2021). Kepentingan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja, Batu Pahat. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1332-1343.  
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/1975>

- Sandy, K. N., & Pangestuti, E. (2017). Pengaruh customer experience terhadap kepuasan dan dampaknya pada minat untuk berkunjung kembali (Revisit Intention) (Survei pada pengunjung Kusuma Agrowisata, Kota Batu)[Doctoral dissertation, Brawijaya University].  
<https://www.neliti.com/publications/189214/p%0%B5ngaruh-custom%0%B5r-%0%B5xp%0%B5ri%0%B5nc%0%B5-t%0%B5rhada-p-k%0%B5puasan-dan-dampaknya-pada-minat-untuk-b%0%B5>
- Shahminon, N. S. (2020, January 23). Sukarelawan alam sekitar diperlukan di Bintulu. *Suara Sarawak*.  
<https://suarasarawak.my/2020/01/sukarelawan-alam-sekitar-diperlukan-di-bintulu/>
- Shahminon, N. S. (2019, July 28). Bintulu Town Hall pendekatan terbaik terima cadangan pembangunan. *Suara Sarawak*.  
<https://suarasarawak.my/2019/07/bintulu-town-hall-pendekatan-terbaik-terima-cadangan-pembangunan/>
- Shariff, N. S., Yusof, Y., & Hussin, N. Z. I. (2020). Tourist perception towards recreation centre in Malaysia. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 2(3), 103-114.  
[https://umtjur.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/141/2020/07/UMT-JUR-12\\_2.3.pdf](https://umtjur.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/141/2020/07/UMT-JUR-12_2.3.pdf)
- Tourists Malaysia. (n.d.). Tourist arrivals. *Tourist Malaysia Portal*.  
[http://mytourismdata.tourism.gov.my/?page\\_id=14#!range=year&from=2019&to=2021&type=55872e6e2bd39,55872c90df266&destination=34MY](http://mytourismdata.tourism.gov.my/?page_id=14#!range=year&from=2019&to=2021&type=55872e6e2bd39,55872c90df266&destination=34MY)
- Tugiman, N (2016). Persepsi pengunjung terhadap Kompleks Sejarah Pasir Salak (KSPS). *Www.academia.edu*.  
[https://www.academia.edu/24269537/Persepsi\\_Pengunjung\\_Terhadap\\_Kompleks\\_Sejarah\\_Pasir\\_Salak\\_KSPS](https://www.academia.edu/24269537/Persepsi_Pengunjung_Terhadap_Kompleks_Sejarah_Pasir_Salak_KSPS)
- Utami, N. K. (2019). Pengalaman pengunjung di Asia Afrika Festival 2019. [Diploma projek akhir, Sekolah Tinggi Pariwisata Bandung]. Sekolah Tinggi Pariwisata Projek Akhir Publishing.  
[http://repository.stpbandung.ac.id/bitstream/handle/123456789/1087/NU\\_RAINI%20KITAN%0UTAMI-%20201220522%20-%202019.pdf?sequence=1](http://repository.stpbandung.ac.id/bitstream/handle/123456789/1087/NU_RAINI%20KITAN%0UTAMI-%20201220522%20-%202019.pdf?sequence=1)
- Utusan Borneo. (2022, Mei 25). Bilangan pelancong ke Sarawak meningkat awal tahun ini. *Utusan Borneo*.  
<https://www.utusanborneo.com.my/2022/05/25/bilangan-pelancong-ke-sarawak-meningkat-awal-tahun-ini>
- Utusan Sarawak. (2020, September 6). Bintulu tawar pelbagai destinasi menarik. *Utusan Sarawak*. <https://www.utusansarawak.com.my/?p=14868>
- Jia, X. (2017). The influence of post-visit factors on multifaceted destination image formation. [Doctoral dissertation, University Teknologi Malaysia]  
<http://eprints.utm.my/id/eprint/81635/1/XiongJiaPFM2017.pdf>

- Zaid, D. S., Adenan, H., & Said, B. (2021). Faktor–faktor yang mempengaruhi kepuasan pengunjung di taman rekreasi: Suatu kajian di Masjid Tanah, Melaka. *Jurnal'Ulwan*, 6(3), 236-248.
- Zain, R. M. (2022, June 4). Malaysia terima sejuta pelancong sejak 1 April. *BeritaHarian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/962620/malaysia-terima-sejuta-pelancong-sejak-1-april>
- Zainal, Z. B. (2017). Destination image perceived by youth tourist on Johor Bahru City [Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia]. <http://eprints.utm.my/id/eprint/87188/1/ZafirahZainalMFABU2017.pdf>